

PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH  
DI SEKOLAH MENENGAH DAERAH SEGAMAT

RAFEAH BINTI KANJI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH DI SEKOLAH  
MENENGAH DAERAH SEGAMAT**

**RAFEAH BINTI KANJI**

**Laporan kajian ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Pengurusan dan Pentadbiran)**

**Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia**

**2014**

## DEDIKASI

Khas untuk:

Suami yang dikasihi,

Ismail bin Md Aini

Terima kasih kerana sentiasa memberi keizinan dan memahami

Arwah ibu dan ayah yang sentiasa dikenang,

Sumber inspirasi dan motivasi

Ahli keluarga yang disayangi,

Azmah binti Khamis

Jasa baikmu amat dihargai

Syafiqah, Syafiq Hafizi, Syafiqah Amirah,

Najihah, Nabila, Naqiuddin

Aisy Danish

Jadikanlah ini sebagai pembakar semangat kalian

untuk memajukan diri

Buat yang dihormati

Prof. Madya Dr Yusof Boon

Terima kasih atas kesabaran membimbing,

mendorong dan menasihati

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha mengasihani, bersyukur kehadiranNya kerana diberikan kesempatan, ruang dan peluang untuk menyiapkan penyelidikan dan penulisan ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr Yusof Boon kerana sentiasa memberi kerjasama untuk membimbing, menasihati dan memberi panduan sehingga projek penyelidikan dan penulisan ini dapat disiapkan. Semoga Allah memberi ganjaran yang baik atas usaha beliau.

Sekalung penghargaan juga dirakamkan khas buat pengetua, guru-guru dan kakitangan di sepuluh buah sekolah menengah yang terlibat dalam penyelidikan ini. Terima kasih atas kerjasama dan sokongan padu yang diberikan sepanjang proses mengumpul maklumat dan data kajian ini.

Buat suami, anak-anak dan ahli keluarga, saya menyanjung tinggi pengorbanan, toleransi dan sokongan yang diberikan. Akhir sekali untuk rakan seperjuangan yang berkongsi tawa dan tangis, Pn Nosiah Abd Wahab, Cik Baridah Din dan rakan-rakan yang menghulurkan bantuan, kerjasama kalian amat saya hargai. Jazakallahu khairan kathira.

## ABSTRAK

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti tahap pengetahuan, persepsi dan amalan PBS guru di sekolah menengah Daerah Segamat, Johor. Selain itu kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji perbezaan tahap pengetahuan, persepsi dan amalan PBS guru mengikut kategori sekolah iaitu sekolah kawalan dan harian serta mengikut tempoh perkhidmatan. Hubungan antara tahap pengetahuan dengan persepsi, tahap pengetahuan dengan amalan dan tahap persepsi dengan amalan PBS guru juga dikaji. Responden kajian terdiri daripada 212 orang guru mata pelajaran tingkatan satu dan dua daripada tiga buah sekolah kawalan dan tujuh buah sekolah harian sekitar bandar Segamat. Kajian ini menggunakan soal selidik yang telah diisi oleh guru-guru yang terlibat. Kajian rintis menunjukkan indeks *Alpha Cronbach* aspek pengetahuan adalah 0.932, aspek persepsi 0.683 dan aspek amalan 0.920. Data dianalisis dengan menggunakan '*Statistical Package for Social Science*' (*SPSS versi 18*) bagi mendapatkan min, sisihan piawai, peratusan, ujian-t, korelasi *Spearson* dan *ANOVA*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan, persepsi dan amalan PBS guru berada pada tahap yang tinggi. Hipotesis kajian mendapati tidak terdapat perbezaan tahap pengetahuan, persepsi dan amalan PBS guru di sekolah kawalan dan sekolah harian serta mengikut tempoh perkhidmatan. Melalui analisis korelasi pula didapati terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan persepsi, tahap pengetahuan dengan amalan dan tahap persepsi dengan amalan PBS guru. Akhir sekali beberapa cadangan kajian lanjutan telah dikemukakan untuk penyelidikan pada masa hadapan.

## ABSTRACT

This research is being conducted to identify the level of knowledge, perception and practice of School Based Assessment (SBA) among teachers in secondary school at Segamat, Johor. The difference of knowledge, perception and practice among teachers were also analysed, according to the school category i.e control and daily school, together with years of service. Relationship between knowledge and perception, knowledge and practice, and perception and practice of SBA is also examined. This research involves 212 teachers from three control schools and seven daily school that taught form one or form two, or both. In this research, questionnaire that had been filled up by the teachers involved are being used as the evaluation of the findings. Alpha Cronbach index for pilot study showed 0.932 for knowledge aspect, 0.683 (perception) and 0.92 (practice). The data was analysed using Statistical Package for Social Science (SPSS version 18) by carrying out descriptive analysis that used mean and standard deviation and inferences statistic namely t-Test, Spearson correlation and one way ANOVA significant of 0.05. Result showed that teachers' level of knowledge, perception and practice of SBA is at high level. Findings from the t-Test showed no significant differences between level of knowledge, perception and practice of SBA among teachers at control and daily school as well as teachers' years of practice, according to study's hypothesis. Nevertheless, through correlation analysis, there is significant correlation between teachers' level of knowledge and perception, knowledge and practice together with perception and practice for SBA. A few further studies are suggested for future research at the end of this paper.

## KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	<b>PENGAKUAN PENKAJI</b>	
	<b>DEDIKASI</b>	ii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iii
	<b>ABSTRAK</b>	iv
	<b>ABSTRACT</b>	v
	<b>KANDUNGAN</b>	vi
	<b>SENARAI JUDUL</b>	xi
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiv
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv

### 1     **PENDAHULUAN**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	3
1.3	Pernyataan Masalah	4
1.4	Objektif Kajian	5
1.5	Persoalan Kajian	5
1.6	Hipotesis Kajian	6
1.7	Kerangka Model Kajian	7
1.8	Kerangka Konsep Kajian	8
1.9	Kepentingan Kajian	11
1.10	Batasan Kajian	11
1.11	Definisi Operasional	12
1.12	Penutup	14

## **2 SOROTAN KAJIAN**

2.1	Pengenalan	15
2.2	Konsep Asas Pentaksiran	15
2.2.1	Pentaksiran Untuk Pembelajaran	19
2.2.2	Pentaksiran Kepada Pembelajaran	20
2.2.3	Pentaksiran Sebagai Pembelajaran	21
2.3	Kronologi Pelaksanaan Sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah Di Malaysia	21
2.4	Pentaksiran Berasaskan Sekolah	22
2.4.1	Komponen Pentaksiran Berasaskan Sekolah	24
2.4.2	Ciri-ciri Pentaksiran Sekolah	28
2.5	Model-model Pentaksiran	28
2.6	Kajian-kajian Pentaksiran Berasaskan Sekolah	31
2.6.1	Kajian Dalam Negara	31
2.6.2	Pentaksiran Berasaskan Sekolah Di Luar Negara	38
2.7	Penutup	40

## **3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	41
3.2	Reka Bentuk Kajian	41
3.3	Lokasi Kajian	42
3.4	Populasi Dan Sampel Kajian	43
3.5	Instrumen Kajian	45
3.5.1	Bahagian A : Latar Belakang Responden	46
3.5.2	Bahagian B : Pengetahuan Guru Terhadap PBS	46
3.5.3	Bahagian C : Persepsi Guru Terhadap	



	Pelaksanaan PBS	47
	3.5.4 Bahagian D : Amalan PBS	47
3.6	Prosedur Kajian dan Pengumpulan Data	48
3.7	Analisis Data	49
	3.7.1 Analisis Deskriptif	49
	3.7.2 Analisis Inferens	50
3.8	Kajian Rintis	52
3.9	Keesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	53
3.10	Penutup	54

#### **4 ANALISIS DATA**

4.1	Pengenalan	55
4.2	Latar Belakang Responden	56
4.3	Analisis Deskriptif Berdasarkan Persoalan Kajian	58
	4.3.1 Dapatan Persoalan Kajian 1	58
4.4	Analisis Inferensi Berdasarkan Hipotesis Kajian	64
	4.4.1 Perbezaan Pengetahuan Guru Mengikut Kategori Sekolah	64
	4.4.2 Perbezaan Persepsi Guru Mengikut Kategori Sekolah	65
	4.4.3 Perbezaan Amalan Guru Mengikut Kategori Sekolah	66
	4.4.4 Perbezaan Pengetahuan Guru Mengikut Tempoh Perkhidmatan	66
	4.4.5 Perbezaan Persepsi Guru Mengikut Tempoh Perkhidmatan	67
	4.4.6 Perbezaan Amalan Guru Mengikut Tempoh Perkhidmatan	68

4.4.7	Hubungan Tahap Pengetahuan Dengan Persepsi	69
4.4.8	Hubungan Tahap Pengetahuan Dengan Amalan	69
4.4.9	Hubungan Tahap Persepsi Dengan Amalan	70
4.5	Penutup	71

## **5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	72
5.2	Rumusan Kajian	72
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	74
5.3.1	Tahap Pengetahuan Guru	74
5.3.2	Tahap Persepsi Guru	76
5.3.3	Amalan Guru Dalam Melaksanakan PBS	77
5.3.4	Perbezaan Tahap Pengetahuan Guru Mengikut Kategori Sekolah	81
5.3.5	Perbezaan Tahap Persepsi Guru Mengikut Kategori Sekolah	81
5.3.6	Perbezaan Amalan PBS Guru Mengikut Kategori Sekolah	82
5.3.7	Perbezaan Tahap Pengetahuan Guru Mengikut Tempoh perkhidmatan	82
5.3.8	Perbezaan Persepsi Guru Mengikut Tempoh Perkhidmatan	82
5.3.9	Perbezaan Amalan PBS Guru Mengikut Tempoh Perkhidmatan	83
5.3.10	Perhubungan Antara Tahap Pengetahuan Dengan Persepsi Guru	83
5.3.11	Perhubungan Antara Tahap Pengetahuan Dengan Amalan PBS Guru	84

5.3.12	Perhubungan Antara Persepsi Dengan Amalan PBS Guru	84
5.4	Implikasi Kajian	84
5.5	Cadangan Tindakan	85
5.5.1	Aspek Pengetahuan Guru	85
5.5.2	Aspek Persepsi Guru	86
5.5.3	Aspek Amalan PBS Guru	87
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	88
5.7	Penutup	88
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	90
	<b>LAMPIRAN</b>	96

## SENARAI JADUAL

<b>NO. JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKASURAT</b>
3.1	Taburan populasi guru mata pelajaran tingkatan 1 dan 2 dan bilangan sampel responden	44
3.2	Jadual penentuan saiz sampel, Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970)	45
3.3	Skala Likert dalam kajian	47
3.4	Taburan item amalan PBS guru	48
3.5	Skor min dan tahap	50
3.6	Interpretasi pekali korelasi	51
3.7	Persoalan kajian dan analisis data	52
4.1	Taburan responden mengikut jantina	56
4.2	Taburan responden mengikut tempoh perkhidmatan	56
4.3	Taburan responden mengikut kategori sekolah	57
4.4	Taburan responden mengikut matapelajaran	57
4.5	Analisis tahap pengetahuan guru dalam melaksanakan sistem PBS di Sekolah Menengah Daerah Segamat	59
4.6	Analisis persepsi guru dalam melaksanakan sistem PBS di Sekolah Menengah Daerah Segamat	60
4.7	Analisis amalan PBS di Sekolah Menengah Daerah Segamat	61
4.8	Analisis amalan PBS guru secara keseluruhan	63
4.9	Analisis tahap pengetahuan, persepsi dan amalan PBS guru secara keseluruhan	63
4.10	Analisis ujian-t perbezaan pengetahuan guru dalam melaksanakan PBS mengikut kategori sekolah	64

		16
4.11	Analisis ujian-t perbezaan persepsi guru dalam melaksanakan PBS mengikut kategori sekolah	65
4.12	Analisis ujian-t perbezaan amalan guru dalam melaksanakan PBS mengikut kategori sekolah	66
4.13	Analisis ujian ANOVA perbezaan pengetahuan guru dalam melaksanakan PBS mengikut tempoh perkhidmatan	67
4.14	Analisis ujian ANOVA perbezaan persepsi guru dalam melaksanakan PBS mengikut tempoh perkhidmatan	67
4.15	Analisis ujian ANOVA perbezaan amalan guru dalam melaksanakan PBS mengikut tempoh perkhidmatan	68
4.16	Analisis Korelasi Pearson hubungan antara tahap pengetahuan dengan persepsi guru dalam melaksanakan PBS di Sekolah Menengah Daerah Segamat	69
4.17	Analisis Korelasi Pearson hubungan antara tahap pengetahuan dengan amalan guru dalam pelaksanaan PBS di Sekolah Menengah Daerah Segamat	70
4.18	Analisis Korelasi Pearson hubungan antara persepsi dengan amalan guru dalam pelaksanaan PBS di Sekolah Daerah Segamat	70

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKASURAT</b>
1.1	Model PBS Kementerian Pelajaran Malaysia	8
1.2	Kerangka Konseptual Kajian	9
2.1	Model Pentaksiran Formatif	29
2.2	Model Pentaksiran Pembelajaran Dalam Bilik Darjah	30
3.1	Prosedur Kajian	49

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>NO. LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKASURAT</b>
A	Set Soal Selidik	96
B	Analisis Data Kajian	102
C	Surat Pengesahan status pelajar daripada Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	129
D	Surat kebenaran untuk menjalankan kajian daripada Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD)	130

## SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN	KETERANGAN
1M1S	Satu Murid Satu Sukan
BBT	Bahagian Buku Teks
BIL	Bilangan
BPG	Bahagian Pendidikan Guru
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
JERI	Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek
JSU	Jadual Spesifikasi Ujian
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
MPM	Majlis Peperiksaan Malaysia
NO.	Nombor
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
PAJSK	Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum
PB	Pentaksiran Berpusat
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PEKA	Pentaksiran Kerja Amali
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PP	Pentaksiran Pusat
PPsi	Pentaksiran Psikometrik
PS	Pentaksiran Sekolah
RMK 9	Rancangan Malaysia Kesembilan
SBOEA	School Based Oral English Assessment
SP	Sisihan Piawai
SPPK	Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan



T1	Tingkatan Satu
T2	Tingkatan Dua
UKPBS	Unit Khas Pentaksiran Berasaskan Sekolah
UPSR	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Pentaksiran adalah komponen penting dalam pendidikan kerana ia memberi maklumat mengenai perkembangan murid kepada guru, ibu bapa dan murid itu sendiri. Pentaksiran pembelajaran pula merujuk kepada satu proses pemantauan pembelajaran yang bersistematik, berterusan dan interaktif untuk menentukan apa yang dilakukan itu betul dan apa yang perlu ditambah baik pada masa hadapan. Ia melibatkan proses membuat pemerhatian, pengumpulan, perakaman dan pemberian skor kepada perkembangan diri pelajar. Menurut *Academic Exchange Quarterly* (2008) dalam Azizi (2010), pembelajaran merujuk kepada sesuatu unsur teori atau empirikal (termasuklah kajian kes, pembelajaran portfolio, kajian eksploratori atau kajian eksperimen) yang menerangkan persediaan dan kecenderungan pelajar, cara belajar dan tahap motivasi pelajar, hasil pembelajaran dan kepuasan pembelajaran dalam konteks pendidikan.

Selaras dengan transformasi pendidikan negara, proses pentaksiran juga turut berubah dari bentuk pengujian kepada pentaksiran berterusan. Isu pentaksiran di negara ini mula mendapat perhatian khusus dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) terutama dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah (KPM 2006). Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK 9) tumpuan diberikan kepada memantapkan sistem pentaksiran dan penilaian supaya lebih bersifat holistik. Pentaksiran bersifat holistik diharapkan mampu menilai murid dari

aspek kognitif (intelekt), efektif (emosi dan rohani) dan psikomotor (jasmani). Penekanan kepada peperiksaan awam telah diubah daripada berasaskan kandungan kepada kemahiran atau daripada bersifat ujian kepada kebolehan am. Jika dahulu pelajar-pelajar diberikan penekanan untuk membangunkan kebolehan kognitif mereka, pentaksiran kini memandang kepada aneka kebolehan pelajar yang pelbagai.

Pada tahun 2010, Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju supaya penambahbaikan Sistem Pentaksiran Kebangsaan bagi Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dilaksanakan dengan memberi penekanan kepada pentaksiran untuk pembelajaran (*assessment for learning*) dan pentaksiran tentang pembelajaran (*assessment of learning*). Pentaksiran kini dianggap sebagai sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran dan dibuat sepanjang tahun. Ia lebih kepada ujian diagnostik yang boleh mengenalpasti kelemahan pelajar dari peringkat awal sebelum mereka ketinggalan lebih jauh lagi. Selain dari memberi maklumbalas yang membantu pelajar memahami proses pembelajaran sendiri, pentaksiran juga memberi maklumbalas yang membantu guru mengubahsuai proses pengajaran mengikut keperluan pelajar.

Kejayaan proses pentaksiran ini sangat bergantung kepada kefahaman dan pengetahuan guru dalam mengaplikasikan konsep pentaksiran dalam bilik darjah. Pentaksiran haruslah berpusatkan pelajar, bukannya guru. Ini bermakna pelajar hanya akan ditaksir apabila mereka telah bersedia untuk ditaksir. Evidens yang ditaksir juga mestilah relevan kepada pelajar dan pelajar tidak terbeban atau terancam semasa proses pentaksiran berlaku. Soalan-soalan yang ditanyakan pula mestilah selaras dengan objektif pengajaran pada masa itu. Secara tidak langsung, guru juga dapat menilai pengajarannya sama ada berkesan atau tidak dan sama ada objektif pengajarannya tercapai atau tidak. Pelajar mesti jelas dengan objektif pentaksiran itu. Mereka perlu tahu tujuan, halatuju dan ekspektasi guru terhadap mereka berdasarkan kepada kemampuan mereka. Persoalannya, adakah guru mempunyai kefahaman yang jelas tentang pelaksanaan pentaksiran seperti ini dan apakah amalan pentaksiran yang

diamalkan guru sejajar dengan kehendak pentaksiran semasa yang memberi lebih autoriti kepada guru dalam mentaksir dan menilai anak muridnya.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang mula diperkenalkan untuk peringkat tingkatan satu pada tahun 2012 telah mengguna pakai Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) untuk mentaksir pembelajaran murid. Sejak PBS mula dilaksanakan, pelbagai rungutan daripada kalangan guru sebagai pihak pelaksana dasar telah kedengaran. Memetik dapatan soal selidik yang dijawab oleh guru-guru Negeri Pahang secara atas talian berkaitan pentaksiran berasaskan sekolah:

Ulasan guru 1:

“Saya berharap pelaksanaan PBS dihentikan dan tidak perlu dibuat baik pulih kerana terdapat banyak masalah dan kekangan dari baiknya untuk melaksanakannya di bilik darjah. Banyak cikgu masih lagi dalam keadaan separuh tahu tentang PBS, khasnya sistem fail dan PBS.”

Ulasan guru 2:

“Ramai guru yang tidak mampu untuk menginterpretasikan PBS dengan baik dan pelajar tidak serius untuk belajar dan banyak main kerana mereka tahu setiap subjek tidak dinilai melalui peperiksaan.”

Kejayaan atau kegagalan pelaksanaan sistem pentaksiran berasaskan sekolah yang diperkenalkan terletak di tangan guru-guru sebagai pengurus bilik darjah dan pelaksana di peringkat akar umbi. Fakta ini ditekankan oleh bekas Ketua Pengarah Pelajaran 1974 – 1985, Tan Sri Dr Murad Mohammad Nor, apabila memberi komen kepada Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Baru (The Star, 2007) yang berkata:

“Bahagian yang paling penting dalam pelaksanaan mana-mana pelan, adalah guru-guru. Bagaimana baik pun rancangan itu, ia akan menjadi tidak berguna jika guru-guru tidak melaksanakan dengan baik.”

*“The most important part in the implementation of any plan, is the teachers. How good the plan, it will be of no use if the teachers do not implement it well.”*

Guru sebagai nadi kepada dasar-dasar baharu kerajaan dalam pendidikan perlu mempunyai pengetahuan yang cukup tentang penambahbaikan sistem pentaksiran pendidikan. Untuk memastikan dasar ini dapat dijayakan, guru perlu mempunyai persepsi yang positif terhadap sebarang program transformasi yang ingin dilaksanakan oleh kerajaan. Selain daripada itu kemahiran guru perlu seiring dengan keperluan transformasi supaya tidak timbul masalah kepada mana-mana pihak. Oleh itu, kajian perlu dibuat bagi mengenalpasti punca mengapa masih terdapat rungutan dan aduan kesukaran dalam melaksanakan sistem pentaksiran berasaskan sekolah yang mula dilaksanakan pada tahun 2012.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Transformasi pendidikan yang dilaksanakan mulai tahun 2010 memberi penekanan kepada penilaian pelajar yang lebih holistik meliputi aspek kognitif (intelektual), afektif (emosi dan rohani) dan psikomotor (jasmani) selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pentaksiran berasaskan sekolah ini bukanlah suatu yang baharu sebaliknya ia merupakan penambahbaikan kepada Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) sedia ada yang lebih berorientasikan peperiksaan. Menerusi sistem ini, penilaian akademik pelajar dibuat secara berterusan menggunakan konsep formatif dan sumatif serta merujuk kepada pentaksiran rujukan standard. Penggunaan standard prestasi dalam mentaksir dan memberi maklum balas perkembangan murid secara berterusan di dalam bilik darjah memberi impak yang besar kepada proses pengajaran dan pembelajaran guru, seterusnya menimbulkan pelbagai rungutan dan luahan rasa. Guru sebagai pelaksana sistem PBS perlu benar-benar jelas, faham dan akur dengan kandungan, matlamat dan prosedur pelaksanaannya. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk mengetahui tahap pengetahuan, persepsi dan amalan guru dalam melaksanakan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) di sekolah menengah daerah Segamat, Johor.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini di harap akan dapat mencapai objektif berikut:

- i. Untuk mengenal pasti tahap pengetahuan, persepsi dan amalan guru dalam melaksanakan sistem pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) di Sekolah Menengah Daerah Segamat.
- ii. Untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan tahap pengetahuan, persepsi dan amalan guru dalam melaksanakan pentaksiran berasaskan sekolah di Sekolah Menengah Daerah Segamat mengikut jenis sekolah dan tempoh perkhidmatan guru.
- iii. Untuk mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dengan persepsi guru terhadap sistem pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) di Sekolah Menengah Daerah Segamat.
- iv. Untuk mengenalpasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dengan amalan guru dalam melaksanakan pentaksiran berasaskan sekolah di Sekolah Menengah Daerah Segamat.
- v. Untuk mengenalpasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi dengan amalan guru dalam melaksanakan pentaksiran berasaskan sekolah di Sekolah Menengah Daerah Segamat.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Berdasarkan objektif kajian yang dinyatakan seperti di atas, maka persoalan kajian ini dapat dirumuskan seperti berikut:

- i. Apakah tahap pengetahuan, persepsi dan amalan guru dalam melaksanakan sistem pentaksiran berasaskan (PBS) sekolah di Sekolah Menengah Daerah Segamat?
- ii. Apakah terdapat perbezaan tahap pengetahuan, persepsi dan amalan guru dalam melaksanakan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) mengikut kategori sekolah dan tempoh perkhidmatan guru?.

- iii. Adakah terdapat hubungan antara pengetahuan dengan persepsi guru terhadap sistem pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) di Sekolah Menengah Daerah Segamat?
- iv. Adakah terdapat hubungan antara pengetahuan dan amalan guru dalam melaksanakan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) di sekolah menengah Daerah Segamat?
- v. Adakah terdapat hubungan antara persepsi dengan amalan guru dalam melaksanakan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) di sekolah menengah Daerah Segamat?

## 1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan persoalan kajian di atas, dinyatakan hipotesis utama kajian dalam bentuk nol ialah:


- Ho1: Tidak terdapat perbezaan pengetahuan guru dalam melaksanakan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) mengikut kategori sekolah di sekolah menengah daerah Segamat.
- Ho2: Tidak terdapat perbezaan persepsi guru dalam melaksanakan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) mengikut kategori sekolah di sekolah menengah daerah Segamat.
- Ho3: Tidak terdapat perbezaan amalan guru dalam melaksanakan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) mengikut kategori sekolah di sekolah menengah daerah Segamat.
- Ho4: Tidak terdapat perbezaan pengetahuan guru dalam melaksanakan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) mengikut tempoh perkhidmatan di sekolah menengah daerah Segamat.
- Ho5: Tidak terdapat perbezaan persepsi guru dalam melaksanakan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) mengikut tempoh perkhidmatan di sekolah menengah daerah Segamat.

- Ho6: Tidak terdapat perbezaan amalan guru dalam melaksanakan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) mengikut tempoh perkhidmatan di sekolah menengah daerah Segamat.
- Ho7: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan persepsi guru dalam pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) di sekolah menengah daerah Segamat.
- Ho8: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan amalan guru dalam pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) di sekolah menengah daerah Segamat.
- Ho9: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi dengan amalan guru dalam melaksanakan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) di sekolah menengah daerah Segamat.

## **1.7 Kerangka Model Kajian**

Kajian ini akan menggunakan model pentaksiran berasaskan sekolah yang dibangunkan oleh KPM, yang terdiri daripada dua bidang iaitu bidang yang mentaksir bidang akademik dan bukan akademik. Bidang akademik terdiri daripada Pentaksiran Sekolah (PS) dan Pentaksiran Pusat (PP), manakala bidang bukan akademik terdiri daripada Pentaksiran Psikometrik (PPsi) dan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Wajaran bagi setiap bidang ini berbeza mengikut tahap persekolahan.






Rajah 1.1 Model PBS Kementerian Pelajaran Malaysia

## 1.8 Kerangka Konsep Kajian

Miles dan Huberman (1994) menjelaskan kerangka konsep merujuk penjelasan secara grafik atau naratif tentang idea-idea utama yang hendak dikaji seperti faktor, konsep, pemboleh ubah, dan saling hubungan yang diduga di kalangan idea-idea tertentu. Kerangka tersebut boleh berbentuk umum dan kasar atau berbentuk rapi dan teliti, berasaskan teori atau berasaskan akal budi, dan membabitkan penerangan deskriptif atau perkaitan sebab akibat. Pandangan Miles dan Huberman adalah secocok dengan pandangan yang dimajukan oleh Cline (2003) dalam Aziz (2003). Misalnya,

Cline menjelaskan bahawa kerangka konsep merujuk penghuraian yang ringkas dan padat tentang pemboleh ubah-pemboleh ubah utama yang beroperasi dalam ruang lingkup masalah yang sedang dikaji, berserta dengan pandangan pengkaji secara menyeluruh tentang bagaimana pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut berinteraksi (atau dibuat untuk berinteraksi berdasarkan keadaan yang boleh dimanipulasikan) untuk menghasilkan satu pemahaman yang lebih bermakna dan menyeluruh tentang fenomena yang relevan berbanding dengan pemahaman sedia ada dalam meneliti masalah kajian. Lazimnya, penghuraian tersebut disertai dengan ilustrasi grafik atau visual.

Berikut adalah kerangka konseptual kajian ini.



**Rajah 1.2** Kerangka Konseptual Kajian

Amalan PBS dalam kajian ini akan memberi tumpuan kepada pelaksanaan komponen Pentaksiran Sekolah (PS) iaitu dari segi:

- i. Mengenalpasti konstruk atau kemahiran pentaksiran.

Guru perlu menentukan kemahiran dan objektif pentaksiran. Ini penting untuk memastikan pentaksiran berada di landasan yang betul dan merujuk kepada kurikulum standard yang ditetapkan. Ianya bertujuan untuk memudahkan guru mengubah

pencapaian atau tingkah laku murid dan seterusnya dapat meningkatkan kemahiran murid.

ii. Pelaksanaan pentaksiran bilik darjah.

Semasa melaksanakan pentaksiran bilik darjah guru perlu merancang, memilih, membina serta mentadbir instrument pentaksiran yang digunakan. Dalam proses perancangan guru perlu mengenalpasti murid yang hendak dinilai dan instrumen yang hendak digunakan. Ini bertujuan supaya instrumen pentaksiran yang dipilih mempunyai tujuan pentaksiran yang jelas, menepati apa yang hendak dinilai dan boleh diukur, serta setiap item dapat mengukur satu kemahiran sahaja. Pelaksanaan pentaksiran memberi bukti yang komprehensif, sahih, autentik, boleh dipercayai dan adil berbanding dengan pengujian yang lain.

iii. Penilaian pentaksiran murid-murid.

Guru perlu mengumpul maklumat pentaksiran murid melalui pemberian skor secara kuantitatif berdasarkan skema penskoran yang dibina oleh guru. Guru merujuk kepada deskriptor dan eviden dalam standard prestasi untuk menentukan tahap penguasaan murid. Guru membuat penilaian berpundukan Dokumen Standard Prestasi untuk menentukan band yang dikuasai oleh murid.

iv. Maklum balas pentaksiran.

Setelah pentaksiran dijalankan guru perlu memberi maklum balas tentang kelemahan, kekuatan murid dan merancang untuk menjalankan aktiviti penambahbaikan. Guru perlu segera mengesan permasalahan yang wujud dan menyatakan maklum balas secara terperinci.

v. Merekodkan prestasi pentaksiran.

Perekodan dan pelaporan memerlukan data yang telah dikumpul semasa pentaksiran supaya ia boleh dianalisa secara logik dan dilaporkan dalam bentuk yang mudah difahami dan tepat. Pelaporan prestasi dan pencapaian memberi gambaran tentang apa yang murid telah capai.

## **1.9 Kepentingan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang menumpukan kepada tiga aspek utama iaitu aspek pengetahuan guru terhadap kandungan, matlamat dan prosedur pelaksanaan PBS di sekolah menengah, persepsi guru terhadap pelaksanaan PBS, dan amalan PBS yang dilaksanakan oleh guru di bilik darjah. Dapatan kajian ini dapat memberi maklum balas berkaitan dengan pelaksanaan PBS di peringkat sekolah seterusnya dapat memberi input kepada pihak-pihak berautoriti untuk memperbaiki kelemahan dan kekurangan sistem sedia ada. Hasil kajian ini boleh digunakan untuk:

- i. membantu pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM), Bahagian-bahagian di Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) seperti Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Nazir Sekolah dan Bahagian Buku Teks (BBT) untuk merangka kursus / latihan yang sesuai kepada guru / bakal guru khususnya guru-guru mata pelajaran.
- ii. membantu Jabatan Pelajaran Negeri / Pejabat Pelajaran Daerah / Panitia Matapelajaran Peringkat Sekolah menjalankan program-program yang dapat meningkatkan profesionalisme guru-guru.
- iii. menjadi bahan rujukan kepada bakal pengkaji dalam menjalankan kajian lanjutan.
- iv. memberi maklumat kepada ibu bapa dan masyarakat amnya tentang pelaksanaan dasar baharu dalam sistem pentaksiran sekolah.

## **1.10 Batasan Kajian**

Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan yang melihat tahap pengetahuan dan persepsi guru yang mempengaruhi amalan guru dalam melaksanakan pentaksiran berasaskan sekolah di sekolah menengah di Daerah Segamat. Sampel kajian terdiri daripada guru-guru yang mengajar matapelajaran tingkatan satu dan dua. Pemilihan sekolah berdasarkan kategori sekolah kawalan dan juga sekolah harian. Kajian ini dijalankan di tujuh buah sekolah harian dan tiga buah sekolah kawalan. Responden yang

dipilih ialah guru-guru yang mengajar matapelajaran tingkatan satu dan dua pada tahun 2013 sahaja.

## **1.11 Definisi Operasional**

Berikut ialah penjelasan mengenai konsep-konsep yang akan digunakan dalam kajian ini:

### **1.11.1 Pelaksanaan**

Pelaksanaan merujuk kepada melaksanakan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) berpandukan kepada penambaan PBS yang dilaksanakan pada tahun 2012 bagi murid tingkatan satu. Kamus Dewan Edisi IV, (2004) mendefinisikan pelaksanaan sebagai perbuatan atau hal melaksanakan (mengusahakan, menjalankan) sesuatu. Istilah pelaksanaan di sini membawa makna perbuatan guru menjalankan pentaksiran berasaskan sekolah di sekolah menengah Daerah Segamat.

### **1.11.2 Pentaksiran Berasaskan Sekolah**

Pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) merupakan suatu konsep tentang perkaitan antara pentaksiran di peringkat sekolah dengan pentaksiran di peringkat luar sekolah, khususnya oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia dan Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) yang disebut sebagai Pentaksiran Berpusat (PB). Konsep PBS memberikan fokus pada prestasi pelajar dalam konteks pembelajaran. Dalam sistem PBS, elemen baharu, iaitu konteks penilaian diperkenalkan. Elemen ini bukan lagi berdasarkan kertas jawapan dalam bilik peperiksaan sebaliknya berdasarkan prestasi sepanjang proses pembelajaran akan diambil kira (Mokhtar Ismail, 2009). Penilaian berasaskan sekolah lebih bersifat formatif, iaitu mengutamakan kemajuan setiap murid daripada satu peringkat ke satu peringkat (Azizi Ahmad, 2010).

Kementerian Pelajaran Malaysia dalam Buku Panduan Pengurusan PBS yang dikeluarkan, menjelaskan PBS merupakan satu pentaksiran yang bersifat holistik iaitu menilai aspek kognitif, afektif dan psikomotor selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan kurikulum kebangsaan. Komponen PBS terdiri daripada dua kategori iaitu akademik dan bukan akademik. Kategori akademik terdiri daripada Pentaksiran Sekolah (PS) dan Pentaksiran Pusat (PP), manakala kategori bukan akademik terdiri daripada Pentaksiran Psikometrik (PPsi) dan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Kedua-dua kategori ini memberi pengiktirafan dan autonomi kepada guru untuk melaksanakan pentaksiran formatif dan sumatif yang berasaskan sekolah (KPM, 2012). PBS dikendalikan oleh pihak sekolah dan pentaksirannya dilaksanakan oleh guru-guru mata pelajaran secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. (JPN Kedah, 2010)

### **1.11.3 Sekolah Menengah**

Akta Pendidikan 1966 mendefinisikan sekolah menengah sebagai sekolah yang menyediakan pendidikan menengah yang sesuai bagi murid yang baru sahaja tamat mengikuti pendidikan rendah. Sekolah menengah kebangsaan pula bererti sekolah menengah kerajaan atau sekolah menengah bantuan kerajaan. Terdapat beberapa kategori sekolah menengah yang diwujudkan dalam sistem pendidikan di Malaysia, antaranya termasuklah sekolah menengah kawalan dan sekolah menengah harian. Sekolah menengah kawalan merujuk kepada sekolah menengah harian biasa yang dikawal kemasukan pelajar berdasarkan pencapaian UPSR yang ditetapkan. Sekolah kawalan menitik beratkan kecemerlangan dalam pencapaian akademik, penguasaan kemahiran asas, keberkesanan pengajaran guru, iklim sekolah yang dapat membangkitkan suasana belajar, kurang masalah disiplin pelajar serta kepimpinan yang cekap (Azizah, 2008). Sekolah menengah harian pula adalah sekolah yang menempatkan pelajar tanpa mengambilkira pencapaian UPSR pelajar.

## **1.12 Penutup**

Keseluruhan kandungan Bab 1 merupakan pengenalan kepada permasalahan kajian. Bahagian pendahuluan memberi senario transformasi pendidikan pada masa kini yang membawa kepada penambahbaikan sistem pentaksiran pendidikan. Pembaharuan seringkali mencetuskan pelbagai reaksi positif dan negatif dalam kalangan pihak pelaksana dan ini membawa kepada teretusnya pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian dan hipotesis kajian. Model PBS dan kerangka konseptual kajian juga disertakan bagi memudahkan pemahaman bidang yang dikaji. Kepentingan kajian turut meninjau dari sudut kementerian pelajaran, jabatan di peringkat negeri dan daerah. Batasan kajian telah dibincangkan dari sudut guru, kategori sekolah dan lokasi. Bahagian akhir bab ini membincangkan definisi operasional yang digunakan dalam kajian ini.

## BIBLIOGRAFI

- Abd Rahman, Mohd Anuar, Ilyas. (2010). Pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus Kemahiran Hidup Bersepadu Di Sekolah Menengah Daerah Pasir Mas, Kelantan. Artikel tidak diterbitkan.
- Adimin, J. (2011). *Tutor.com*. Retrieved Mei 18, 2013, from Peperiksaan vs Pentaksiran: [www.tutor.com.my/tutor/dunia.asp?y=2008&dt=0303&pub=Dunia Pendidikan &SecPerspektif&pg=ps\\_01html](http://www.tutor.com.my/tutor/dunia.asp?y=2008&dt=0303&pub=Dunia Pendidikan &SecPerspektif&pg=ps_01html)
- Adnan, R. (2012). Kefahaman dan Kesediaan Guru Matematik Tahun 1 dan 2 Terhadap Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Di Daerah Pasir Gudang, Johor. *Tesis Sarjana UTM*.
- Ahmad, A. (2010). *Pentaksiran Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Yahya et. al. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.
- Bakar, B. A. (2003). *Asas Pengukuran Bilik Darjah*. Tanjung Malim: Quantum.
- Bhasah Abu Bakar & Misnan Jemali. (2003). Pendidikan Berorientasikan Peperiksaan (Exam oriented) Dari Perpektif Pelajar Sekolah Menengah (Tingkatan 1 hingga 3). *Seminar Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan*. Kuala Lumpur.
- Black P. & William, D. (1998). *Inside The Box: Raising Standard Through CClassroom Assessment*. London: School of Education, King College.
- Black, J. A. (1976). *Methods and Issues In Social Research*. New York: Wiley.
- Bloom, B.S., Hasting, J.T., Madaus, G.F.,. (1971). *Handbook on Formative And Summative Evaluation Of Student Learning*. New York: Mc Graw Hill Book Company.
- Brookhart, S. (2007). *Expanding Views About Formative Classroom Assessment. A Review of The Literature In Mc Millan J. H. (Eds) Formative Classroom Assessment: Theory into Practice*. New York: Teachers College Press.
- Chik, A. W. (1989). *The System Of Education Evaluation (testing) In Malaysian Schools: Mathematics, Science subjects, Language and Social Studies*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.



- Cline, D. (2003). *Logical Structure, Theoretical Framework*. Retrieved Mei 3, 2013, from <http://mutans.astate.edu/dcline/guideFramework.html>
- Dahalan, H. (2011, Jun 13). *Hamsiah MD's Blog*. Retrieved Mei 15, 2013, from Pentaksiran Berasaskan Sekolah: [http://hamsiahmd.blogspot.com/2011\\_06\\_01\\_archive.html](http://hamsiahmd.blogspot.com/2011_06_01_archive.html)
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2013). *Laman Web DBP*. Retrieved Mei 17, 2013, from Pusat Rujukan Persuratan Melayu@DBP. Sumber Kamus Pelajar Edisi Ke2: [prpm.dbp.gov.my/search.aspx?k=pelaksanaan&d=1](http://prpm.dbp.gov.my/search.aspx?k=pelaksanaan&d=1)
- Dikli, S. (2003). Assessment at a distance: Traditional vs Alternative Assessment: The Turkish Online . *The Turkish Online Journal of Education Technology (TOJET)* , 2(3).
- Fisher, D. & Frey, N. (2007). *Checking From Understanding Formative Assessment Techneques For Your Classroom*. Alexandria, Virginia: ASCD.
- Fraenkel Jack R. & Wallen, N. E. (1993). *How To Design And Evaluate Research In Education (2nd Ed)*. New York: Mc Graw-Hill.
- Ghaffar, M. N. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Ghani, A. A. (n.d.). *Scribd*. Retrieved Jun 4, 2013, from Pengurusan dan Hala Tuju Sekolah kawalan Berkesan: [www.scribd.com/doc/3292646/sekolah-berkesan](http://www.scribd.com/doc/3292646/sekolah-berkesan)
- Grima, G. (2003). School Based Assessment: Implementation Issues And Practices. *Peper presented at the 21st Annual AEAA Conference*. South Africa: University of Malta.
- Hall, K & Burke W.M. (2003). *Making Formative Assessment Work: Effective Practice In The Primary Classroom*. Maidenhead: Open Univ. Press.
- Hamzah Md Omar dan Paramasivam a/l Sinnasamy. (n.d.). Between The Ideal And Reality: Teachers Perception Of The Implementation Of SBA Oral English Assessment. *The English Teacher Vol.xxxviii* , p13-30.
- Hill, P. (n.d.). *sba.hkedcity.net*. Retrieved Mei 16, 2013, from Difference Between SBA And External Exams: [sba.hkedcity.net/introductorydvd/index.html](http://sba.hkedcity.net/introductorydvd/index.html)
- Idris, N. (2005). *Pedagogi Dalam Pendidikan Matematik*. Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Publications & Distributors Sdb Bhd.

- Ishak, N. (2011). School-based Assessment As Transformation In Educational Assessment. *International Seminar on Measurement And Evaluation (ICMEE 4)*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Ismail, M. (2009). *Pentaksiran Pendidikan Ed. Ke 2*. Kuala Lumpur: DBP.
- Ismail, S. N. (2010). Tahap Pengetahuan Dan Pelaksanaan Peka Dalam Kalangan Guru Sains. *Tesis Ijazah Sarjana Muda* .
- Juliana Osong. (2013). Hubungan Pengetahuan Dengan Amalan Pentaksiran Formatif Dalam Pelaksanaan Penilaian Kemajuan Berasaskan Sekolah. Jabatan Ilmu Pendidikan, Unit Penilaian dan Peperiksaan. *Seminar Penyelidikan Peringkat Kebangsaan*.
- Kapambwe, William M. (2010, March). *The Implementation of School Based Continuous Assessment (CA) in Zambia*. Retrieved Mei 10, 2013, from Educational Research and Reviews Vol. 5(3)pp099-107: <http://www.academicjournals.org/ERR>
- Karen Chapman, H. A. (2007, Januari 21). *The Star Online*. Retrieved Jun 2, 2013, from Star Education: <http://thestar.com.my/education/story.asp?file=/2007/1/21/education/16626629&sec=education>
- Kassan, A. b. (2010). Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Di Sekolah-sekolah Menengah Daerah Keningau, Sabah. *Tesis Ijazah Sarjana Muda UTM* .
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2013). *Blog Rasmi KPM*. Retrieved Mei 17, 2013, from Buletinkpm: [buletinkpm.blogspot.com](http://buletinkpm.blogspot.com)
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2009). *Buku Perancangan Program Pentaksiran PEKA Sains*. Retrieved Jun 7, 2013, from slideshare: [www.slideshare.net/baiban/buku-program-peka-sains](http://www.slideshare.net/baiban/buku-program-peka-sains)
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2009). *Laman Web KPM*. Retrieved Jun 2, 2013, from Pembangunan Pendidikan 2001 - 2010, Perancangan Bersepadu Penjana Kecemerlangan Pendidikan: <http://satu-sekolah-untuk-semua.files.wordpress.com/2009/07/746-ringkasan-pembangunan-pendidikan-2001-2010.pdf>
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2013). *Portal rasmi Lembaga Peperiksaan Malaysia*. Retrieved Mei 17, 2013, from Kementerian Pelajaran Malaysia: <http://www.moe.gov.my/lp/index.php/penerbitan/44/184-buku-panduan-pengurusan-dan-pengendalian-pentaksiran-berasaskan-sekolah-pbs>

- Khodori. (2000). Peranan Pentaksiran Dalam Pembentukan Masyarakat Yang Berfikir dan Belajar. *Fakulti of Education UKM.2* , p168-175.
- Law, B. & Eckes, M. (1995). *Assessment And ESL On The Yellow Big Road To The Withered Of OZ*. Peguis Publishers.
- Maimun Aqsha Lubis, Ramlee Mustapha, Muhammad Hasyim Mustamin. (2007) Persepsi Guru dan Pelajar Terhadap Kurikulum Berasaskan Kompetensi. Fakulti Pendidikan UKM. *Jurnal Pendidikan Jilid 27(1)*.
- Maxwell G. (2004). Progressive Assessment For Learning and Certification: Some Lessons From School-based Assessment in Quensland. *The Third Conference of The Association of Commonwealth Examinations And Accreditation Bodies (ACEAB) in association with SPBEA*. Fiji: Nadi.
- McMillan, J. (2008). *Assessment Essentials For Standard-Based Education 2nd Ed*. Carlifornia: CCorwin Press.
- Miles, M. &. (1994). *Qualitative Data Analysis: An Expended Sourcebook 2nd Ed*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Mohamad Azhar Mat Ali & Shahrir Jamaluddin. (2007). Amalan Pentaksiran Untuk Pembelajaran Di Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Jilid27(1)* .
- Mohd Anuar Abdul Rahman & Ali Z.B. (2008). *Pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus Kemahiran Hidup Bersepadu di Sekolah Menengah Luar Bandar Daerah Kuantan, Pahang*. Skudai: Tesis Sarjana Muda Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhamad, B. (2004). *Persepsi Guru Terhadap Kepimpinan Pengajaran Dalam Celik Komputer Di Sekolah-sekolah Negeri Johor*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Tesis Dr Falsafah.
- Musa, R. (2008). *Pengesahan dan Penggunaan Ujian Matematik Tahun Empat Sekolah Rendah: Analisis Rasch*. Pulau Pinang: Tesis Phd Universiti Sains Malaysia.
- Noor Azreen Abd Aziz dan Sulaiman Yamin. (n.d.). *Academia*. Retrieved Jun 7, 2013, from Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: [www.academia.edu/1515904/Pentaksiran Alternatif Menuju Kearah Transformasi Sistem Pentaksiran Di Malaysia](http://www.academia.edu/1515904/Pentaksiran_Alternatif_Menuju_Kearah_Transformasi_Sistem_Pentaksiran_Di_Malaysia)
- Nordin, A. B & Bakar B. A. (2008). Pentaksiran Dalam Pendidikan Dan Sains Sosial. *Universiti Pendidikan Sultan Idris* , Vol150 p287.
- Omar, I. b. (2012). *Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di Sekolah-sekolah Kebangsaan Sekitar Gelang Patah, Johor. Tesis Ijazah Sarjana UTM* .

- P. R. Thimappa & Sushita Sharma. (2003). Implication of School Based Assessment For The Pacific. *Journal of Educational Studies Vol. 25 No. 1 & 2* .
- Pa, Nik Aziz Nik. (2003). Penggunaan Teori dan Kerangka Teori Dalam Penyelidikan Pendidikan Matematik. *Masalah Pendidikan Jilid 26* .
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative Evaluation And Research Methods (2nd Ed)*. Newbury Park. CA: Sage.
- Popham, W. J. (1995). *Classroom Assessment: What Teachers Need To Know*. Needham Heights, MA: Allyn and Bacon.
- Prof Chris Davison & Prof Liz Hamp-Lyons. (2012). *2012 HKDSE English Language Examination-Introduction to School Based Assessment*. Retrieved Jun 8, 2013, from [www.hkeaa.edu.hk/DocLibrary/SBA/HKDSE?Eng\\_DVD/sba\\_practice.html](http://www.hkeaa.edu.hk/DocLibrary/SBA/HKDSE?Eng_DVD/sba_practice.html)
- Raman, S. (2012, Julai 30). *Portal Rasmi Kementerian Pelajaran Malaysia*. Retrieved Jun 2, 2013, from Media: [http://www.moe.gov.my/v/surat-kepada-pengarang?page=5&keyword=\(2007\)](http://www.moe.gov.my/v/surat-kepada-pengarang?page=5&keyword=(2007).). *Reaction to the National Education Blueprint*. The Star.
- Saharuddin, M. M. (2008). Kepimpinan Guru Besar Dalam Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Di Sekolah Kebangsaan Daerah Kota Tinggi, Johor. *Tesis Ijazah Sarjana Muda UTM* .
- Sahip, S. A. (2009). *Pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus Berasaskan Sekolah Bagi Matapelajaran Kemahiran Hidup Di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Johor Bahru, Kawasan Skudai*. Skudai: Tesis Sarjana Muda Universiti Teknologi Malaysia.
- Sang, M. S. (1994). *Penilaian, Pemulihan dan Pengayaan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Seng, T. E. (2012). *Teo Education*. Retrieved Mei 16, 2013, from School Based Assessment. The Concept of School Based Assessment: <http://www.teo.education.com/teo/?p=455>
- SMK Teluk Gadong. (2013, Februari 16). *Laman Web Rasmi SMK Teluk Gadong*. Retrieved Jun 2, 2013, from Pentaksiran Berasaskan Sekolah: [www.smktg.edu.my/v2/inde.php/sekolahku/akademik/21-pentaksiran berasaskan sekolah](http://www.smktg.edu.my/v2/inde.php/sekolahku/akademik/21-pentaksiran%20berasaskan%20sekolah)
- Stinggins, R. J. (2001). *Student Classroom Assessment 3rd Ed*. Merill: Prentice Hall.

- Suzana Abd Mutalib & Jamil Ahmad. (2012). Penggunaan Teknik Pentaksiran Formatif Dalam Subjek Bahasa Melayu Darjah Satu: Kajian Kes. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (My LEJ) Vol. 2* , p17-30.
- Swenson, P. (2013). *eHow* . Retrieved Mei 10, 2013, from The Role of Assessment in a Learning Culture: [www.ehow.com/about\\_6550728\\_role\\_assessment\\_learning\\_culture.html](http://www.ehow.com/about_6550728_role_assessment_learning_culture.html)
- Voie, J. C. (1990). School Based Assessment Research In The People Republic Of China. *Mc. Gill Journal Of Education Vol.25 No.1* .
- Wierma, W. (2000). *Research Methods In Education. An Introduction 7th Ed.* . Boston: Allyn & Bacon.
- Zamri Mahamod & Nor Razah Lim. (2011). Kepelbagaian Kaedah Penyoalan Lisan Dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu: Kaedah Pemerhatian. *Jurnal Pendidikan bahasa Melayu 1(1)* , p51-65.